

Panduan berkaitan Pegawai Pematuhan (CO)

Apakah peranan CO?

CO ialah **sumber rujukan utama** untuk semua perkara berkaitan pencegahan pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (AML/CFT) bagi institusi pelapor

CO dikehendaki di sisi undang-undang untuk mengemukakan laporan transaksi mencurigakan (STR) bagi pihak institusi pelapor.

Kriteria CO

- Mempunyai tahap kedudukan, kuasa dan senioriti yang mencukupi dalam institusi pelapor supaya dapat mengambil bahagian dan mempengaruhi secara berkesan keputusan berkaitan AML/CFT
- Layak dan sesuai untuk melaksanakan tanggungjawab AML/CFT dengan berkesan
- Mempunyai pengetahuan dan kepakaran yang diperlukan untuk melaksanakan peranan dan tanggungjawab dengan berkesan

Apakah tugas-tugas CO?



Pelantikan Pegawai Pematuhan •

Institusi pelapor dikehendaki untuk memaklumkan kepada Bank Negara Malaysia mengenai pelantikan CO **secara bertulis*** atau dengan melengkapkan **Borang Pemberitahuan Pencalonan Pegawai Pematuhan** yang disediakan di lampiran yang berkenaan dalam Dokumen Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (DNFBPs) & Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFIs) (Dokumen Dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBPs & NBFIs) dalam tempoh 10 hari bekerja dari pelantikan atau penukaran CO melalui mana-mana cara yang berikut:

Borang atas talian:

E-mel: fied@bnm.gov.my

Mel: Pengarah

Jabatan Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan,

Bank Negara Malaysia

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur

03-26910368

Faks:

* Sila sertakan butiran seperti nama, jawatan, alamat pejabat, nombor telefon pejabat, nombor faks, alamat e-mel

Nota: Sila rujuk Perenggan 19 Dokumen Dasar Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Sekatan Kewangan Bersasar untuk Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (DNFBPs) & Institusi Kewangan Bukan Bank (NBFIs) (Dokumen Dasar AML/CFT dan TFS untuk DNFBPs & NBFIs)

Penafian:

Dokumen ini adalah untuk maklumat umum anda sahaja. Dokumen ini tidak mengandungi nasihat atau maklumat lengkap yang berkaitan perkara di atas dan juga tidak boleh digunakan sebagai pengganti kepada nasihat undang-undang. Sekiranya maklumat dalam dokumen bercetak rasmi Bank Negara Malaysia atau mana-mana Akta berbeza dengan maklumat yang terkandung di dalam dokumen ini, maklumat dalam Akta tersebut dan dokumen rasmi adalah diutamakan dan diterima pakai.